

ABSTRAK

Pemberian imunisasi kanak-kanak adalah salah satu strategi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk mengurangkan kes kematian kanak-kanak. Kajian kuantitatif menggunakan kaedah keratan rentas ini difokuskan kepada golongan primigravida bagi mengenal pasti tahap pengetahuan, persepsi dan niat untuk mendapatkan imunisasi anak di Kuala Lumpur. Tempoh kajian adalah dari bulan Mac sehingga Disember 2017. Borang soal selidik diedarkan kepada 76 orang responden yang terdiri daripada primigravida yang menjalani pemeriksaan antenatal di Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Kuchai, Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Jalan Bangsar dan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Taman Pantai Indah. Kaedah persampelan rawak mudah digunakan untuk pemilihan responden. Hasil kajian mendapati sebanyak 56.6% responden mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi mengenai imunisasi manakala 69.7% responden mempunyai persepsi yang baik mengenai imunisasi. Sebanyak 98.7% daripada responden berniat untuk memberikan imunisasi kepada anak. Ujian ANOVA menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan bangsa, agama, status pekerjaan dan pendapatan isi rumah dengan pengetahuan mengenai imunisasi ($p < 0.05$). Bagi persepsi mengenai imunisasi pula, terdapat perbezaan yang signifikan pada usia kehamilan ($p < 0.05$). Ujian kolerasi pearson menunjukkan terdapat hubungan positif dan signifikan ($p = 0.014$) antara pengetahuan dan persepsi untuk mendapatkan imunisasi anak tetapi kekuatan antara hubungan adalah lemah dengan nilai kolerasi ($r = 0.28$). Namun, hubungan antara pengetahuan dengan niat untuk mendapatkan imunisasi anak adalah tidak signifikan ($p = 0.434$) manakala hubungan antara persepsi dengan niat untuk mendapatkan imunisasi anak juga adalah tidak signifikan ($p = 0.30$). Kesimpulannya, tahap pengetahuan dan persepsi yang baik perlu dipertingkatkan lagi dan dalam kalangan primigravida agar dapat mempengaruhi niat responden untuk mendapatkan imunisasi anak.

KNOWLEDGE, PERCEPTION AND INTENTION TO GET CHILD IMMUNIZATION AMONG PRIMIGRAVIDA IN KUALA LUMPUR

ABSTRACT

Childhood immunization is one of World Health Organization (WHO) strategy in reducing children mortality. This cross-sectional study focused on primigravidas' to assess their knowledge, perception and intention to vaccinate their children in Kuala Lumpur. The study was conducted from March 2017 till December 2017. Questionnaires were distributed to 76 primigravidas' who came to Kuchai Maternal and Child Health Clinic, Jalan Bangsar Maternal and Child Health Clinic and Taman Pantai Indah Maternal and Child Health Clinic for antenatal check-up via simple random sampling. This study shows that about 56.6% had good knowledge on immunization. About 69.7% of the respondent showed good perception on immunization. Majority of the respondent (98.7%) plan to vaccinate their child. ANOVA analysis showed there is a significant difference for knowledge on immunization among race, religion, level of education and household income ($p < 0.05$). There is a significant difference for perception on immunization between trimester of pregnancy ($p < 0.05$). Pearson correlation analysis showed there a positive, poor ($r = 0.28$) but significant ($p = 0.014$) correlation between knowledge and perception on child immunization among primigravida. However, there are no significant relation between knowledge and intention ($p = 0.434$) and relation between perception and intention is also not significant ($p = 0.30$). In conclusion, the level of knowledge and good perception should be enhance among the primigravidas' to influence the respondent intention to get their child vaccination.